



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E**  
*Level 8, Block E8, Complex E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.10( 29 )  
Tarikh : 18 Disember 2024

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 12  
TAHUN 2024**

**KAMUS KOMPETENSI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN PEMIMPIN SISTEM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2024**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan penggunaan Kamus Kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Pemimpin Sistem Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2024.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan keupayaan pemimpin dalam organisasi kementerian ini kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan selaras dengan Inisiatif #111: Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025. Sehubungan dengan itu, KPM menyediakan Kamus Kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Pemimpin Sistem Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai rujukan kompetensi untuk meningkatkan kecekapan pelaksanaan tugas berdasarkan gred.

3. Pemimpin Sistem Kementerian Pendidikan Malaysia (PSiKPM) merujuk kepada PPP bawah laluan Kepimpinan dan Pengurusan yang bertugas di bahagian, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi bawah KPM bermula dengan gred DG10 hingga DG14 Institusi bawah KPM yang terlibat ialah:

- 3.1 Institut Aminuddin Baki
- 3.2 Institut Pendidikan Guru
- 3.3 English Language Teaching Centre
- 3.4 Kolej Matrikulasi
- 3.5 Kolej Vokasional


4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 25 Tahun 2024 bertarikh 10 Oktober 2024 telah meluluskan Kamus Kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Pemimpin Sistem Kementerian Pendidikan Malaysia.
5. Kamus kompetensi ini mengandungi perincian tahap dan deskripsi kompetensi yang perlu dikuasai oleh PSiKPM berdasarkan gred. PSiKPM perlu merancang dan melaksanakan pembangunan profesionalisme berterusan bagi meningkatkan karisma, pemikiran global dan berinovatif.
6. Kamus Kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Pemimpin Sistem Kementerian Pendidikan Malaysia ini boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.
7. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.
8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi yang terlibat bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia